



UiTM@Media **2016**

Siswa Cemerlang



UiTM@Media
2016

Sebagai persiapan Khairulnizam hadapi temasya Sukan Olimpik 2016

Dapat perahu layar RM20,000

Oleh SITI SARAH NURUL LIYANA

ATLET perahu layar kebangsaan, Khairulnizam Mohd. Afendy bakal menerima sebuah perahu layar bernilai RM20,000 daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebagai persiapan menghadapi Olimpik 2016 yang diadakan di Rio de Janeiro, Brazil pada Ogos ini.

Perkara tersebut diumumkan Naib Canselor UiTM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Hassan Said selepas merasmikan Majlis Anugerah Sukan UiTM di Dewan Agung Tuanku Canselor, kampus induk di Shah Alam, Selangor semalam.

Hadiah tersebut diberi sebagai tanda prihatin pihak Universiti berkenaan terhadap luahan pemenang pingat emas Sukan SEA Myanmar 2013 itu ber-

hubung peralatan berlayar.

Khairulnizam, 23, ketika ditemui berkata, hadiah tersebut menjadi pemangkin kepada beliau untuk mengharumkan

nama negara di temasya antarabangsa meskipun senarai nama atlet perahu layar yang layak ke Olimpik masih belum dimuktamadkan.





KHAIRULNIZAM (dari kiri) bersama Hassan dan Khairunneeta pada Majlis Anugerah Sukan UiTM di Shah Alam semalam.

“Kalau melihat di atas kertas, peluang saya untuk dipilih mewakili negara ke Olimpik itu tinggi walaupun keputusan muktamad hanya akan diketahui esok (hari ini).

“Bagaimanapun, saya agak terkejut dan terharu apabila pihak UiTM mengambil berat dengan keperluan saya. Perkara ini menaikkan semangat saya untuk terus mengharumkan nama negara.

“Buat masa ini, saya masih tidak tahu bila saya akan dapat perahu tersebut. Saya berharap ia (diterima) dalam masa terdekat tapi sekiranya belum, saya masih ada perahu di Langkawi yang boleh digunakan setakat ini,” ujarnya yang turut menerima Anugerah Olahragawan UiTM 2015 pada majlis di universiti itu semalam.

Dalam pada itu, atlet perahu

layar wanita, Khairunneeta Mohd. Afendy yang juga adik kepada Khairulnizam dinobatkan sebagai Olahragawati UiTM pada majlis yang sama.

Kedua-dua atlet adik-beradik tersebut membawa pulang trofi, hadiah wang tunai bernilai RM1,000 serta tiket penerbangan ke bandar raya Ho Chi Minh, Vietnam.

Tambah Khairulnizam, skuad perahu layar kini menjalani latihan intensif termasuk di atas darat sebagai persiapan menyertai Kejohanan Dunia 2016 dalam acara laser standard di Mexico pada Mei ini.

“Dari segi persiapan, kami kini berlatih secara intensif di Langkawi. Dua minggu lagi, kami akan berangkat ke Eropah untuk menjalani latihan dan menyertai beberapa kejohanan kecil di sana,” tambah Khairulnizam.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

